

Perhimpunan Agung PBB

Ucapan Kenyataan Negara dapat pujian

Reaksi diterima bercanggah dengan dakwaan pembangkang, antikerajaan

Daripada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman
mazzaini@bh.com.my

Selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan ucapan Kenyataan Negara ketika Perhimpunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) Ke-78 pada pagi Jumaat lalu, pelbagai reaksi diberikan beberapa pihak di tanah air.

Ada yang positif dan negatif. Namun, yang positif mengatasi yang negatif membabitkan kelompok pembangkang dan warga netizen mewakili golongan anti-kerajaan dan Perdana Menteri.

Ini termasuk Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, yang menyifatkannya sebagai hambar serta gagal mendapat perhatian pemimpin dunia.

Sanusi yang juga Ketua Pengarah Pilihan Raya Perikatan Nasional (PN) mendakwa, situasi dewan yang lengang ketika Anwar berucap menyampaikan Kenyataan Negara cukup memalukan.


Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Geramah Perdana kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Pelangai di Dataran Purnama, Simpang Pelangai, di Bentong, malam kelmarin.

Namun, dalam kalangan mereka yang hadir di kompleks PBB di New York, termasuk perwakilan asing dan diplomat berpandangan sebaliknya dengan memuji Malaysia dan Anwar.

Pada sidang media di akhir penampilan sulung beliau sebagai Perdana Menteri di pentas PBB itu, media Malaysia dimaklumkan oleh pegawai Malaysia bahawa sejauh selesai ucapan, delegasi dan pegawai negara menerima reaksi positif terhadap ucapan Perdana Menteri ketika berada di kompleks PBB.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri Amran Mohamed Zin, berkata ramai yang mengucapkan tahniah, antaranya Vietnam, Indonesia, Brunei, Singapura dan Maldives.

"Kita dapat reaksi positif, ramai dalam kalangan diplomat memuji kita dan memaklumkan



Anwar menyampaikan ucapan Kenyataan Negara ketika Perhimpunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Ke-78 pada Jumaat lalu. (Foto bernama)

pendirian dan ketegasan Malaysia di PBB mendapat perhatian banyak pihak," katanya.

Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, juga memaklumkan beliau menerima ucapan tahniah daripada rakan sejawat daripada banyak negara berhubung ucapan Anwar.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz, pula berkata pelbagai program dalam atur cara perbincangan Anwar dengan pemimpin industri bakal membawa impak besar dalam sektor ekonomi dan pelaburan di Malaysia.

Katanya, butiran dan keputusan perbincangan Anwar bersama pemimpin industri syarikat gergasi akan bergambung di persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di San Francisco pada November depan yang juga akan diketuai oleh Perdana Menteri.

Kembang operasi di Malaysia

Sementara itu, Anwar pada sidang media di akhir lawatan empat hari ke New York, menggesa pihak berkuasa di Malaysia, segera menghapuskan kerehah birokrasi dan menambah baik urusan untuk menjalankan perniagaan ketika semakin banyak syarikat mengembangkan operasi ke negara ini atau meningkatkan pelaburan sedia ada mereka.

Beliau yang juga Menteri Kewangan, melahirkan rasa kecewa kerana dalam beberapa kes, proses membuat keputusan masih lagi lambat dan lewat, seterusnya memberi kesan kepada syarikat yang merancang untuk melabur di Malaysia.

"Sesetengah syarikat yang menemui kami, berkata masih ada

kelewatan dalam memberi kelulusan. Saya sangat kecewa apabila mendengarnya kerana kami sudah memberi arahan jelas dan kita tidak boleh berlengah," katanya.

Anwar menegaskan, Malaysia berada dalam era dan dunia yang sangat kompetitif.

"Jika anda tangguh enam bulan, negara lain akan memberi kelulusan dalam masa dua bulan. Kita akan terlepas peluang disebabkan oleh sikap itu, tetapi untuk berlaku adil, kita sudah melakukan yang terbaik di sini kerana kakitangan bekerja sepanjang masa untuk memastikan semuanya berjalan lancar (pertemuan dengan pelabur)," katanya.

Perdana Menteri berkata, arahan diberikan kepada menteri dan agensi yang berkaitan untuk memastikan semua permohonan diputuskan dengan cepat, termasuk kelulusan untuk pelaburan atau pengeluaran visa.

Sementara itu, Anwar berkata, syarikat aeroangkasa terbesar dunia, Boeing, yang sudah pun memiliki kilang mengeluarkan sayap di Malaysia memaklumkan hasrat untuk mengembangkan pelaburannya dengan mengeluarkan sayap dan bahagian bagi semua jenis pesawat.

Syarikat itu bertapak di Malaysia melalui Aerospace Composites Malaysia Sdn Bhd (ACM), pakatan strategik antara Boeing dan Hexcel Corporation. ACM ialah pengeluar komponen komposit canggih bagi industri aeroangkasa.

"Ini keputusan sangat besar untuk Malaysia. Dengan keputusan ini, hampir semua sayap dengan bahagian akan dikeluarkan di Malaysia," katanya.

Inti pati penampilan sulung Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-78 di New York

1. Kenyataan Negara ketika berucap di UNGA

- Suarakan kebimbangan Malaysia terhadap konflik global seperti di Palestin, Ukraine, Afghanistan dan Myanmar. Sentuh isu berkaitan krisis iklim, pembangunan mampan (SDGs), Islamofobia dan Malaysia MADANI.

2. Pertemuan dua hala

- Adakan pertemuan dengan rakan sejawat dari Turkiye, Iran, Sri Lanka, Thailand dan Iraq. Bertemu Duta Khas Presiden Amerika Syarikat Mengenai Iktim, John Kerry dan Pengerusi Extractive Industries Transparency Institute (EITI), Helen Clark.
 - Turkiye
 - Ganda usaha bendung sentimen Islamofobia.
 - Tingkatkan kerjasama dua hala pelaburan dan perdagangan
 - Kerjasama ekosistem pertahanan dua negara.
 - Iran
 - Kukuh hubungan dua hala melalui kerjasama bidang ekonomi, pendidikan, keterjaminan makanan, sains dan teknologi serta menerokai potensi kerjasama baharu.
 - Komitmen adakan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama (JCM) dan Mesyuarat Suruhanjaya Ekonomi (JEC).
 - Sri Lanka
 - Kerjasama sektor perdagangan dan pelaburan, pendidikan, pelancongan dan kebudayaan.
 - Thailand
 - Bincangkan isu sempadan negara, proses perdamaian di Selatan Thai dan isu serantau

v. Iraq

- Mesyuarat Suruhanjaya Bersama (JCM) ke-9 antara Malaysia dan Iraq dalam sektor ekonomi, pendidikan, hubungan udara dan pelancongan.
- Maklumkan keputusan Malaysia buka semula kedutaan di Baghdad.

vi. John Kerry

- Bincangkan isu alam sekitar, tenaga boleh diperbaharui dan perubahan iklim

vii. Helen Clark

- Bincangkan kepentingan tadbir urus yang baik, ketelusan dan akauntabiliti industri perlombongan dan penggalian, bertukar pandangan isu berkepentingan bersama.

3. Meja Bulat bersama firma Fortune 500

- Bertemu wakil 15 syarikat terkemuka termasuk AirBnB, Amazon, AWS, Boeing, ConocoPhillips dan Kimberly-Clark.
- Berkongsi Kerangka Ekonomi MADANI yang disokong Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara dan Kajian Separuh Penggal RMK12 yang menjadi panduan dalam capai matlamat pembangunan negara.
- Bertemu US-ASEAN Business Council (USABC) dan United States Chamber of Commerce (USCC) yang menjadi medium di antara kerajaan dan komuniti perniagaan sebagai pemangkin pelaksanaan inisiatif kerajaan untuk manfaat rakyat.

4. Invest Malaysia New York

- Bertemu lebih 200 delegasi di Invest Malaysia New York anjuran Bursa Malaysia bersama Bank of America, CIMB, HSBC, Maybank dan Standard Chartered.
- Berjaya menarik minat pelabur pasaran modal ekuiti dan bon dengan nilai aset di bawah pengurusan mencecah US\$40 trilion. Mengetengahkan Kerangka Ekonomi MADANI yang disokong Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara serta Kajian Separuh Penggal RMK12.

5. Ahli Majlis Hubungan Luar Negeri (CFR)

- Hadiri sesi perbincangan dengan Ahli Majlis Hubungan Luar Negeri (CFR), mendengar dan berkongsi dasar serta polisi negara terkait hubungan antarabangsa, pentas global dan geopolitik bersama ahli majlis CFR.

6. Program lain ketika lawatan rasmi

- Penghormatan menyampaikan Khutbah Jumaat pada 22 September atas jemputan Pusat Kebudayaan Islam New York,
- Hos majlis makan malam bersama lebih 800 diaspora Malaysia di New York.
- Turut ditemu bual media antarabangsa iaitu CNN dan Bloomberg.

7. Kesimpulan

- Kehadiran Perdana Menteri di UNGA ke-78 tahun ini, mengetengahkan pendirian serta memberi peluang berkongsi dasar serta aspirasi negara terkait hubungan antarabangsa. Lanjutan pertemuan dengan rakan sejawat, berpeluang untuk berkongsi pengalaman serta bertukar pendapat dalam isu-isu global dan berkepentingan bersama.